

ASEAN harus contohi kejayaan China

BH - 8/3/2019 mlb: 2

[FOTO BERNAMA]

→ Dr Mahathir saran negara anggota bersatu sebagai rakan dagangan berkesan



Faridul Anwar Farinordin
bhnews@bh.com.my

Manila

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad meminta rakan ASEAN untuk mengguna pakai model perniagaan yang membolehkan setiap negara anggota berkongsi industri terpilih dengan anggota lain dan meluaskan pasarannya.

Ketika menyampaikan ucap-tama di forum perniagaan Malaysia-Filipina di sini, semalam Dr Mahathir berkata, negara ASEAN harus mencontohi kisah kejayaan China, yang berjaya mengubah negaranya dalam tempoh kurang 40 tahun untuk menjadi negara ekonomi kedua terbesar dunia.

“Populasi besar penduduk yang dipecahkan tidak akan membantu, walaupun terdapat lebih daripada 600 juta penduduk di Asia Tenggara, kita masih melihat diri kita

sebagai negara yang berlainan dengan pasaran domestik yang berbeza,” katanya.

Dr Mahathir mengimbas ketika permulaan pembentukan ASEAN, wujud idea bagi negara anggota membahagikan industri utama antara mereka, supaya setiap industri dapat difokuskan di satu negara dengan pasaran lebih besar yang meliputi semua lima negara anggota.

Eksplotasi pasaran

“Ia idea yang baik, namun ia tidak dapat diteruskan. Tetapi, idea yang baik ini boleh dilihat semula dan konsep itu dikaji semula untuk membolehkan kita mengeksploitasi pasaran yang memiliki 600 juta orang,” katanya pada forum ber-



Populasi besar penduduk yang dipecahkan tidak akan membantu, walaupun terdapat lebih daripada 600 juta penduduk di Asia Tenggara, kita masih melihat diri kita sebagai negara yang berlainan dengan pasaran domestik yang berbeza”

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

kenaan yang turut dihadiri ketua industri dari Malaysia dan Filipina.

Dr Mahathir, yang kini dalam lawatan rasmi ke Filipina, berkata dengan memiliki anggota ASEAN yang berupaya menjadi rakan dagangan berkesan, mereka dapat menerokai pasaran besar dan muncul sebagai unit ekonomi yang kuat.

Berfikir secara bersama

“Untuk melakukan ini (untuk muncul sebagai kuasa ekonomi), kita memerlukan anggota ASEAN untuk berfikir secara bersama. Inilah sebabnya mengapa Malaysia sedang menjalin hubungan erat dengan Indonesia - jiran terdekat kami yang miliki penduduk terbesar, Thailand dan Filipina,” katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga bertemu dengan bekas Presiden Filipina dan Speaker, Gloria Macapagal Arroyo dan Presiden Majlis Penasihat Perniagaan Keusahawanan ASEAN, Jose Ma Concepcion.

Selepas forum itu, Dr Mahathir diberi penghormatan mengunjungi monumen Rizal, di Taman Rizal di sini.

Yang turut hadir di forum itu, Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Darrell Leiking; Ahli Lembaga Pemegang Amanah Makati Business Club (MBC) Amb Jose Cruisio Jr; Pengerusi MBC Edgar Chua dan Setiausaha Jabatan Perdagangan dan Industri Filipina, Ramon Lopez serta pegawai kanan kementerian.



Dr Mahathir bersalaman dengan Duterte selepas mengadakan sidang media di Istana Malacanang, Manila semalam.